


ENSIKLOPEDIA KESENIAN & WARISAN ISLAM



ENSIKLOPEDIA KESENIAN & WARISAN ISLAM

ENSIKLOPEDIA Kesenian & Warisan Islam



ENSIKLOPEDIA KESENIAN & WARISAN
ISLAM

JILID 4





ENSIKLOPEDIA KESENIAN & WARISAN
ISLAM

JILID 4

(DABBATUL-ARDH – GHULAT)



PUSTAKA PERDANA



1007769

ANZAGAIN
S D N B H D 190597-K



KUALA LUMPUR



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

ENSIKLOPEDIA KESENIAN & WARISAN

ISLAM

JILID 4

© ANZAGAIN SDN BHD

Cetakan Pertama 2009

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulangan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada ANZAGAIN SDN BHD. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Ensiklopedia kesenian & warisan Islam

Mengandungi rujukan bibliografi dan indeks

ISBN 978-983-037-220-4 (Jil 1)

ISBN 978-983-037-221-1 (Jil 2)

ISBN 978-983-037-222-8 (Jil 3)

ISBN 978-983-037-223-5 (Jil 4)

ISBN 978-983-037-224-2 (Jil 5)

ISBN 978-983-037-225-9 (Jil 6)

ISBN 978-983-037-226-6 (Jil 7)

ISBN 978-983-037-227-3 (Jil 8)

ISBN 978-983-037-228-0 (Jil 9)

ISBN 978-983-037-229-7 (Jil 10)

ISBN 978-983-037-230-3 (Jil 11)

ISBN 978-983-037-231-0 (Jil 12)

ISBN 978-983-037-232-7 (Jil 13)

ISBN 978-983-037-233-4 (Jil 14)

1. Islam-Encyclopedias
297 03

Diterbitkan oleh

Anzagain Sdn. Bhd.

No. 9, Jalan Bukit Badung 26/4

Seksyen 26, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

Tel: 603-5191 8709, 5192 0396 Faks: 603-5191 0396

Email: anzagainsdnbhd@yahoo.com

Dengan Kerjasama.

Yayasan Pembangunan Buku Negara

Akademi Buku Malaysia

Malaysian Encyclopedia Research Center Berhad

Book Digital Sdn. Bhd

KDEB Anzagain Sdn. Bhd

VDSL Network Sdn. Bhd

Dar Al-Kitab, Lebanon

Dar Al-Shorouk, Kaherah

Dicetak oleh.

Percetakan Surya Sdn. Bhd.

Dijilid oleh:

Book Digital Sdn. Bhd.








297.03

ENS



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



 SEMITIK UTARA	 FENISIA	 ETRUSKANKUNO	 IBRANI KUNO
 GREEK KUNO	 GREEK KLASIK	 LATIN KUNO	 LATIN KLASIK

Perkembangan huruf D.

DABBATUL-ARDH

Binatang yang keluar daripada perut bumi dan seterusnya memusnahkan seluruh bumi ini. Hadis Nabi Muhammad s.a.w menyebut bahawa peristiwa tersebut merupakan satu daripada sepuluh tanda besar yang akan muncul menjelang hari Kiamat.

"Dan apabila perkataan telah jatuh atas mereka, Kami keluarkan sejenis binatang melata dari bumi yang akan mengatakan kepada mereka, bahawa sesungguhnya manusia dahulu tidak yakin kepada ayat-ayat Kami."

Surah an-Naml:82

DAHHAQ BIN QAIS (–684M)

Pemimpin suku Arab Qais. Nama dan keturunan lengkapnya ialah al-Dahhaq bin Qais bin Khalid al-Akbar bin Wahb bin Tha'labah bin Wa'ilah bin Amru bin Shaiban bin Muharib bin fahr bin Malik bin al-Nadr bin Kinanah al-Qurashi al-Fihri. Beliau juga digelar sebagai Abu Unais atau Abu Abdul Rahman. Ibunya bernama Umaimah binti Rabi'ah al-Kinaniyyah.

Dahhaq merupakan seorang daripada periwayat hadis Rasulullah s.a.w. Bagaimanapun ada riwayat mengatakan bahawa beliau tidak pernah mendengar sendiri hadis daripada baginda, malah beliau

juga tidak pernah mendampingi baginda. Antara ahli hadis yang meriwayat daripada beliau ialah al-Hasan al-Basri, Tamim bin Tarafah, Muhammad bin Suwaid al-Fihri, Simak dan Maimun bin Mihran.

Pada zaman Muawiyah, Dahhaq dilantik sebagai orang kanan dan panglima tenteranya menyerang perkampungan Iraq. Pada tahun 674 Masihi, Muawiyah melantik beliau sebagai gabenor Kufah menggantikan Ziyad. Bagaimanapun empat tahun kemudian, beliau dipecat daripada jawatan tersebut. Selepas itu beliau berkhidmat dengan Yazid dan anak Muawiyah. Apabila kedua-duanya meninggal dunia, beliau berpindah kepada Abdullah bin al-Zubair dan menyokong perjuangannya. Abdullah bin al-Zubair melantik beliau sebagai gabenor di Syria.

Dahhaq meninggal dunia pada tahun 684 Masihi di Marj. Beliau dibunuh oleh tentera suku Kalb yang menyokong Marwan bin al-Hakam.

PROF MADYA DR MAT SAAD

Bibliografi:

Ibn al-Athir, *Usd al-Ghabah*, Cairo: Dar al-Sha'b, 1970.

AD-DAHRIYAH

Istilah yang bermakna golongan manusia yang tidak beragama. Mereka tidak percaya kepada semua agama atau lebih dikenali sebagai *free thinker*. Golongan ini menyatakan bahawa kiamat tidak ditentukan oleh Allah S.W.T. tetapi oleh waktu (dahr). Masa atau waktu segala kejadian yang ada di alam semesta adalah akibat adanya hukum alam semesta, sedangkan waktu tidak memiliki satu bentuk permulaan.



Golongan ad-Dahriyah juga tidak percaya kepada segala sesuatu yang bersifat tahyul. Mereka mengejek orang yang percaya kepada jin, malaikat, tafsiran mimpi, ilmu sihir dan ilmu ghaib. Mereka menyamakan manusia dengan binatang, kecuali sifat binatang yang tidak dapat membezakan antara baik dan buruk. Mereka juga membenarkan Teori Darwin yang menyatakan bahawa manusia berasal dari beruk.

Aliran ad-Dahriyah sebenarnya berasal daripada hasil pemikiran falsafah Yunani yang percaya kepada tabii, seperti Socrates, Plato dan Aristoteles.

DAIF

Istilah yang bermakna lemah. Ia merujuk kepada hadis yang syarat-syarat rawinya tidak kuat dan boleh diragukan. Walaupun hadis daif tidak boleh menjadi sumber hukum halal haram, tetapi ia boleh digunakan untuk menyatakan kelebihan-kelebihan amalan.

DAJAL

Istilah yang bermakna pendusta atau penipu. Dajal bekerja untuk menyesatkan manusia. Terdapat dua jenis dajal, iaitu dajal kecil dan dajal besar. Dajal kecil ialah pengacau yang memecahbelahkan masyarakat Islam. Ia wujud sejak zaman Nabi Muhammad s.a.w. dan berjaya merosakkan masyarakat. Nabi sentiasa berdoa memohon perlindungan kepada Allah dari pengaruh dajal tersebut.

Hadis Huzaiifah r.a katanya: Rasulullah s.a.w. telah bersabda: "Dajal ialah orang yang buta matanya sebelah kiri, lebar (panjang) rambutnya serta dia mempunyai syurga dan neraka. Nerakanya itu merupakan Syurga dan Syurganya pula ialah Neraka." Hadis Sahih Muslim

Ada beberapa ciri perawakan dajal yang disebutkan dalam Hadis Rasulullah s.a.w., antaranya:



"Seorang yang kelihatannya masih muda; berbadan besar dan agak kemerah-merahan; rambutnya kerinting dan tebal. Kelihatan dari belakang seolah-olah dahan kayu yang rimbun. Dan tandanya yang paling ketara sekali ada dua, pertama: Buta mata kirinya dan kelihatan seperti buah kismis yg kecut, manakala mata kanannya tertonjol keluar kehijau-hijauan berkelip-kelip laksana bintang. Jadi kedua-dua matanya adalah cacat. Kedua: Tertulis didahinya tulisan 'Kafir (Kaf-Fa-Ra)'. Tulisan ini dapat dibaca oleh setiap org Islam, sama ada ia pandai membaca atau tidak." Hadis Rasulullah s.a.w.



Mengikut hadis riwayat at-Thabrani, kedua-dua tanda ini menjelma dalam diri dajal setelah ia mengaku sebagai Tuhan. Adapun sebelum itu, kedua-dua tanda yang terakhir ini belum ada pada dirinya.

Dajal besar pula ialah pembohong yang sangat pandai memperdaya dan menyesatkan orang ramai. Dajal besar muncul sebagai tanda dunia hampir kiamat. Ia berkuasa mengadakan pelbagai keanehan termasuk mempengaruhi manusia supaya mengkufurkan Allah S.W.T. Ramai manusia yang tidak mempunyai kekuatan iman terpedaya dengan penipuan dajal.

Dajal digambarkan sebagai manusia bermata satu. Ia akhirnya dapat dibunuh oleh Nabi Isa a.s.

DAKWAH

Seruan mengajak manusia mengerjakan kebajikan dan meninggalkan segala kemungkaran. Allah S.W.T. berfirman yang bermaksud:

Inilah jalan agamaku dan orang-orang yang mengikutiku mengajak kamu kepada Allah dengan hujah yang nyata.

Surah Yusuf: 108